

BORANG A2 – AKU JANJI PENJAMIN
(diisi oleh Penjamin)

DALAM MAHKAMAH TINGGI
DALAM PERKARA PENGGULUNGAN SYARIKAT NO.:
BER: *(nama syarikat)* *(dalam penggulungan)*

**PERMOHONAN PENYUMBANG UNTUK KEBENARAN PENYELESAI DI
BAWAH AKTA SYARIKAT 1965 / AKTA SYARIKAT 2016**

BAGI MEMULAKAN DAN / ATAU MENERUSKAN TINDAKAN

MAHKAMAH :
GUAMAN NO. :
PIHAK-PIHAK :
.....

AKU JANJI PENJAMIN

Bahawasanya saya
No. Kad Pengenalan: yang telah cukup umur dan beralamat
di
mengakui bahawa saya bukan seorang bankrap dan saya bersetuju menjadi penjamin
kepada syarikat yang tersebut di atas bagi maksud tindakan guaman di atas. Saya
dengan ini memberi aku janji bahawa:

- (1) Saya sedar bahawa Mahkamah Tinggi telah
membuat Perintah Penggulungan terhadap syarikat di atas.

- (2) Saya akan menanggung sepenuhnya apa-apa jumlah yang melibatkan kos, bayaran dan perbelanjaan lain bagi prosiding yang berkaitan dengan kes tersebut di atas dan tidak akan membuat apa-apa tuntutan terhadap estet penggulungan syarikat dan/atau terhadap Pegawai Penerima dan Penyelesai;
- (3) Saya akan membiayai segala kos akibat daripada tindakan guaman yang tersebut di atas dan sekiranya tindakan guaman ini gagal dan syarikat dikenakan kos, saya juga akan bertanggungjawab ke atas segala kos yang dikenakan oleh mahkamah. Bersama ini disertakan penyata akaun saya yang terkini dan Keputusan Carian Rasmi (KCR) Jabatan Insolvensi Malaysia yang terkini bagi status kebangkrapan saya;
- (4) Saya mengaku janji akan mendepositkan sejumlah wang mengikut tempoh masa yang ditetapkan sepertimana yang disyaratkan oleh Pegawai Penerima dan Penyelesai sebagai jaminan kos untuk tindakan guaman tersebut di atas;
- (5) Jika Penyumbang memohon kebenaran penyelesaian ('sanksi') yang baharu kepada Pegawai Penerima dan Penyelesai untuk memulakan prosiding rayuan, saya turut mengaku janji bahawa sekiranya saya masih menjadi penjamin di peringkat rayuan tersebut, saya akan mendepositkan wang tambahan sepertimana yang ditetapkan oleh Pegawai Penerima dan Penyelesai sebagai jaminan kos;
- (6) Pegawai Penerima dan Penyelesai tidak akan bertanggungjawab dan tidak boleh dipertanggungjawabkan sama sekali atas apa-apa kegagalan, kerugian atau apa-apa kos yang terlibat atau yang dikenakan oleh mana-mana pihak yang terlibat dalam guaman dan/atau yang berbangkit daripada guaman tersebut / kos guaman; dan

- (7) Sekiranya saya gagal dalam melaksanakan Aku Janji ini, Pegawai Penerima dan Penyelesai berhak membatalkan kebenaran penyelesaian ('sanksi') yang diberikan secara bertulis ke mahkamah dan wang jaminan yang telah saya bayar akan dirampas. Pegawai Penerima dan Penyelesai boleh mengambil tindakan terhadap saya di mahkamah bagi menuntut apa-apa jumlah yang melibatkan kos, bayaran dan perbelanjaan lain bagi prosiding yang berkaitan dengan guaman tersebut yang masih gagal saya jelaskan.

Bertarikh:

Ditandatangani oleh:

.....
Nama Penjamin:
No. Kad Pengenalan: